



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Malaysia Mampu Urus Hutang : Moody

Berita Harian - Malaysia Mampu Urus Hutang : Moody

🕒 Rabu, Dis 13 2017





Bukti ekonomi di landasan tepat: PM

Pengesahan oleh Agensi Penarafan Antarabangsa, Moody's Investors Service bagi penerbit mata wang asing dan tempatan serta bon tidak bercagar Kerajaan Malaysia pada A3 dengan prospek stabil membuktikan ekonomi negara berada di landasan tepat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Agensi Penarafan Antarabangsa Moody's hari ini mengesahkan penarafan Malaysia sebagai stabil dalam kategori A3, bukti ekonomi kita berada di landasan tepat," kata Najib di laman twiternya.

Penarafan itu juga bermakna usaha Kerajaan @barisanasional menubuhkan hasil, kata beliau yang juga Menteri Kewangan.

Malaysia mampu urus hutang: Moody's

📅 9/12

➡ **Pertumbuhan ekonomi berdaya saing imbangi tekanan kredit jangka panjang**

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Moody's Investors Service (Moody's) terus mengekalkan profil kredit Malaysia yang stabil, sekaligus mencerminkan usaha berhemah kerajaan untuk menguruskan kedudukan hutangnya.

Agensi penarafan antarabangsa itu mengukuhkan penarafan bon kerajaan Malaysia pada A3 sambil mengekalkan tinjauan stabil dalam penilaian terbaharunya terhadap kedudukan kredit negara ini.

Moody's menerusi penilaiannya itu berkata, tinjauan stabil diberikan susulau Malaysia mampu mengimbangi tekanan kredit jangka panjang iaitu beban hutang tinggi dan pendedahan terhadap risiko luaran, dengan kukuhannya yang ada dalam kredit, termasuklah pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing.

Selain itu, katanya Malaysia juga memiliki beberapa institusi domestik besar yang menyediakan persekitaran kewangan stabil untuk hutang kerajaan.

Tanpa pembaharuan selanjutnya, kami menjangkakan bahawa komitmen kerajaan terhadap pengukuhan fiskal akan menghadkan usaha menambah baik paras hutang awam Malaysia dan kemampuan membuat hutang.

"Namun, laluan pertumbuhan mantap yang menyediakan asas pembangunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal, memberikan kestabilan terhadap beban hutang ini," kata Moody's.

Hutang stabil

Ia menambah, walaupun jumlah pelabur asing adalah tinggi dan pendudukan negara ini kepada eksport berasaskan komoditi menyebabkan kedudukan terdedah kepada perubahan kadar faedah serta pergerakan harga komoditi global, namun faktor pengimbang sedia ada seperti pasaran modal domestik yang mendalam dan kedudukan luaran yang teguh boleh menyerap impak ketidakpastian berkenaan.

Di dalam penilaian terbaharunya, Moody's menjelaskan, meskipun hutang kerajaan akan kekal tinggi, namun begitu secara umumnya ia adalah stabil.

Selain itu, katanya, komitmen kerajaan terhadap pengukuhan fiskal menyaksikan defisit fiskal menguncup dalam tempoh tujuh tahun berturut-turut.

"Walaupun kadar pengukuhan akan perlahan menuju ke hadapan, kami masih lagi menjangkakan defisit terus menguncup kepada 2.8 peratus daripada KDNK pada 2018 sejajar dengan unjuran bajet, berbanding 3.0 peratus pada 2017 dan 6.7 peratus pada 2010.

Usaha pengukuhan fiskal tambahan terhad

"Penguncupan defisit dicapai khususnya melalui perbelanjaan lebih ketat dan pengaliran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 2015. Bagaimanapun, ketiadaan langkah bermakna lain untuk menjaga pendapatan, usaha pengukuhan fiskal tambahan adalah terhad.

"Pada pandangan Moody's, pencapaian sasaran bajet berimbang kerajaan bergantung seluruhnya kepada pengembangan pertumbuhan, berbanding langkah bajet berstruktur," katanya.

Mengenai prospek pertumbuhan, Moody's mengunjurkan KDNK negara secara purata berkembang 5.1 peratus antara 2012 hingga 2021, menjadikan Malaysia antara negara penarafan A paling pantas berkembang, yang mana angka ini diatasi hanya oleh China dan Ireland, selain setanding Malta.

Ia berkata, daya tahan pertumbuhan Malaysia terhadap ketidakpastian luaran seperti kejatuhan harga komoditi dan minyak, selain suasana politik tidak menentu, adalah bukti kepada kemampuan ekonominya untuk menyerap kejutan.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

